

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGHASILAN MODUL
PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK) BAGI MATA PELAJARAN
PENGAJIAN KEUSAHAWANAN

NURUL SYAMSHIDA BINTI MOKHTAR

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

Buat Yang Teristimewa,

Ayahanda dan Bonda Tercinta:

Dato' Mokhtar bin Mat Isa & Datin Ruhani binti Abu Bakar,

Semua Ahli Keluarga Dan Insan Yang Istimewa,

Pensyarah Pembimbing, Tuan Haji Ali Suradin,

Sahabat dan Rakan-rakan Seperjuangan,

Semua Pensyarah Sarjana PTV,



PTTA
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin Nya dapat saya menyiapkan laporan projek sarjana ini dengan baik dan sempurna. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Tuan Haji Ali bin Suradin atas keluangan masa, bimbingan, kerjasama, tunjuk ajar dan idea yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan bagi projek sarjana ini. Ribuan kemaafan atas sikap dan kesilapan yang telah dilakukan. Jasa dan kesabaran tuan, tidak dapat saya lupakan.

Kepada para panel VIVA, Profesor Madya Nawawi bin Jusoh dan Puan Siti Fauzeyah atas tunjuk ajar yang dihulurkan. Semua pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik 1 Kuantan dan Puan Nur'uyun binti Azhar kerana memberi kerjasama yang padu serta peluang untuk menyempurnakan projek sarjana ini amat dihargai.

Tidak dilupakan kepada keluarga tersayang, rakan-rakan serta kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek sarjana ini. Terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat persepsi pelajar terhadap penghasilan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Pengajian Keusahawanan. MPK yang dibina adalah berbentuk CD dan menggunakan perisian Microsoft Power Point 2000. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sama ada aspek isi pelajaran modul dan persembahan pengajaran yang menarik dapat memudahkan proses pembelajaran pelajar. Di samping itu, kajian ini juga akan melihat sama ada penghasilan MPK dapat meningkatkan motivasi para pelajar terhadap proses pembelajaran pelajar. Responden kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik 1 Kuantan, Pahang. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 11.0 bagi mendapatkan peratusan dan skor min. Dapatan kajian ini menunjukkan isi pelajaran MPK yang dihasilkan dapat membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar dengan skor min 3.19, di samping mempunyai elemen persembahan pengajaran yang menarik. Hasil kajian juga mendapati bahawa penghasilan MPK dapat mempertingkatkan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran dengan skor min keseluruhan 3.24. Semua hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Cadangan-cadangan diberikan untuk menunjukkan bagaimana MPK boleh dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien dalam usaha membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar.

ABSTRACT

This study is on students perception towards the Pengajian Keusahawanan self-learning module. The self-learning module was developed in the compact disc (CD) format using the Microsoft Power Point 2000 application. The objective of this study is to find out whether the contents and the presentation of self-learning module can facilitate the students learning process. Besides that, this study is also to find out whether the development of self-learning module will increase the student motivation towards their learning process. 40 students of Form 4 Sekolah Menengah Teknik 1 Kuantan, Pahang were selected as respondents. All data were gathered and analyzed using the SPSS Packages Version 11.0 in order to obtain percentages and mean score. The results of this study showed that the contents of self-learning module can facilitate the students learning process with mean score 3.19, besides having the interesting presentation elements. The findings also showed that the self-learning module increases the students motivation towards their learning process with overall mean score 3.24. The results of this study were described in the form of tables and graphs. In the light of these findings, it was suggested that the application of self-learning module can be applied effectively and efficiently in order to assist and facilitate the students learning process.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKASURAT |
|------------|-------------------------------------|------------------|
| | BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES | |
| | HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA | |
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | HALAMAN KANDUNGAN | vii |
| | HALAMAN SENARAI JADUAL | xiv |
| | HALAMAN SENARAI RAJAH | xv |
| | HALAMAN SENARAI SINGKATAN | xvi |
| | HALAMAN SENARAI LAMPIRAN | xvii |

BAHAGIAN SATU**BAB 1 PENDAHULUAN**

| | | |
|------|---|----|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Masalah | 4 |
| 1.3 | Penyataan Masalah | 6 |
| 1.4 | Tujuan Kajian | 8 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 8 |
| 1.6 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.7.1 Pelajar | 10 |
| | 1.7.2 Guru | 10 |
| | 1.7.3 Kementerian Pendidikan Malaysia | 11 |
| 1.8 | Skop Kajian | 11 |
| 1.9 | Definisi Istilah dan Operasional | 12 |
| | 1.9.1 Modul | 12 |
| | 1.9.2 Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) | 13 |
| | 1.9.3 Mata Pelajaran Pengajian Keusahawanan | 14 |
| | 1.9.4 Multimedia | 14 |
| | 1.9.5 Persembahan Pengajaran | 15 |
| | 1.9.6 Motivasi | 16 |
| 1.10 | Kesimpulan | 16 |

BAHAGIAN DUA**BAB II SOROTAN PENULISAN**

| | | |
|------|--|----|
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Pengajaran Individu | 17 |
| 2.3 | Gaya Pembelajaran | 20 |
| 2.4 | Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran | 21 |
| 2.5 | Komputer Dalam Pendidikan | 23 |
| 2.6 | Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) | 25 |
| 2.7 | Tujuan Pengajaran Bermodul | 26 |
| 2.8 | Kebaikan Pengajaran bermodul Kepada Para Pelajar | 29 |
| 2.9 | Format Umum Pengajaran Bermodul | 31 |
| 2.10 | Komponen Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) | 32 |
| 2.11 | Status MPK di Malaysia | 37 |
| 2.12 | Pendidikan Keusahawanan | 39 |
| 2.13 | Kesimpulan | 40 |



PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAHAGIAN TIGA

BAB III METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|--------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 41 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 42 |
| 3.3 | Prosedur Kajian | 43 |
| 3.4 | Populasi dan Sampel | 44 |
| 3.5 | Sumber Data | 46 |
| 3.5.1 | Sumber Primer | 46 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 46 |
| 3.6.1 | Bahagian A | 49 |
| 3.6.2 | Bahagian B | 50 |
| 3.7 | Prosedur Analisis Data | 51 |
| 3.7.1 | Bahagian A(Maklumat Responden) | 51 |
| 3.7.2 | Bahagian B | 52 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 53 |
| 3.9 | Andaian | 54 |
| 3.10 | Batasan Kajian | 54 |
| 3.11 | Rumusan | 55 |



PTAA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAHAGIAN EMPAT**BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK**

| | | |
|---------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 56 |
| 4.2 | Latar Belakang Teori Penghasilan Produk | 57 |
| 4.1.1 | Komponen MPK Klingstedt | 58 |
| 4.3 | Rekabentuk dan Ciri-Ciri Produk | 60 |
| 4.3.1 | Kronologi Pembinaan MPK | 63 |
| 4.3.2 | Permasalahan Dalam Membina Produk | 64 |
| 4.3.3 | Masa Pembinaan Modul | 64 |
| 4.3.4 | Dokumentasi Produk | 64 |
| 4.4 | Penilaian Produk | 65 |
| 4.4.1 | Penilaian dan Pembinaan Instrumen Yang Menilai Modul | 65 |
| 4.4.1.1 | Soal Selidik Untuk Pelajar | 65 |
| 4.4.2 | Pemilihan Subjek atau Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk | 66 |
| 4.4.3 | Fokus Penilaian | 66 |
| 4.4.4 | Cadangan Pembaikan | 67 |



PTT
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

BAHAGIAN LIMA

BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|---|----|
| 5.1 | Pengenalan | 68 |
| 5.2 | Bahagian A: Maklumat Responden | 69 |
| | 5.2.1 Jantina | 69 |
| | 5.2.2 Bangsa | 70 |
| | 5.2.3 Penggunaan modul | 71 |
| 5.3 | Bahagian B: | 72 |
| | 5.3.1 Analisis Isi Pelajaran MPK | 73 |
| | 5.3.2 Analisis Motivasi Responden | 76 |
| | 5.3.3 Analisis Persembahan Pengajaran MPK | 79 |
| 5.4 | Kesimpulan | 82 |

BAHAGIAN ENAM

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-----|------------------------------|----|
| 6.1 | Pengenalan | 83 |
| 6.2 | Kesimpulan dan Perbincangan | 84 |
| | 6.2.1 Isi Pelajaran MPK | 84 |
| | 6.2.2 Persembahan Pengajaran | 88 |
| | 6.2.3 Motivasi | 90 |
| 6.3 | Kesimpulan | 92 |
| 6.4 | Cadangan Dapatan Kajian | 94 |
| 6.5 | Penutup | 95 |

BAHAGIAN TUJUH

BIBLIOGRAFI

96

BAHAGIAN LAPAN

LAMPIRAN A-I

102-124



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

| NO.JADUAL | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------|--|-----------|
| 3.1 | Skala Likert | 48 |
| 3.2 | Jenis-jenis Item Soal Selidik | 49 |
| 3.3 | Tafsiran skor min | 53 |
| 5.1 | Maklumat Responden: Jantina | 69 |
| 5.2 | Maklumat Responden: Bangsa | 70 |
| 5.3 | Maklumat Responden: Penggunaan Modul | 71 |
| 5.4 | Skala Likert | 72 |
| 5.5 | Tafsiran skor min | 73 |
| 5.6 | Bilangan, peratusan dan skor min isi pelajaran MPK | 74 |
| 5.7 | Bilangan, peratusan dan skor min motivasi responden | 77 |
| 5.8 | Bilangan, peratusan dan skor min persembahan pengajaran | 80 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------------|--|------------------|
| 4.1 | Kronologi Pembinaan MPK | 63 |
| 5.1 | Maklumat Responden: Jantina | 69 |
| 5.2 | Maklumat Responden: Bangsa | 70 |
| 5.3 | Maklumat Responden: Penggunaan Modul | 71 |
| 5.4 | Analisis Min Bagi Aspek Isi Pelajaran MPK | 76 |
| 5.5 | Analisis Min Bagi Aspek Motivasi | 79 |
| 5.6 | Analisis Min Bagi Aspek Persembahan Pengajaran | 82 |



SENARAI SINGKATAN**SINGKATAN****HURAIAN PENUH**

| | | |
|-------|---|-----------------------------|
| MPK | - | Modul Pembelajaran Kendiri |
| P & P | - | Pengajaran dan Pembelajaran |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKASURAT |
|-----------------|--|------------------|
| A | Borang Soal Selidik | 102 |
| B | Kajian Rintis | 107 |
| C | Analisa Soal Selidik: Bahagian A | 108 |
| D | Analisis Skor Min Isi Pelajaran MPK | 111 |
| E | Analisis Skor Min Motivasi Responden | 112 |
| F | Analisis Skor Min Persembahan Pengajaran MPK | 113 |
| G | Analisis Bilangan dan Peratusan Item Isi Pelajaran MPK | 114 |
| H | Analisis Bilangan dan Peratusan Motivasi Responden | 119 |
| I | Analisis Bilangan dan Peratusan Persembahan Pengajaran MPK | 123 |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dunia terutama dalam sektor perindustrian, peranan sistem pendidikan adalah amat kritikal sekali. Keperluan untuk meningkatkan taraf pendidikan rakyat Malaysia adalah sangat penting supaya lebih ramai penduduk Malaysia mempunyai pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik dan cemerlang dalam bidang pendidikan.

Menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000), pendidikan perniagaan dan keusahawanan ialah salah satu bidang yang dapat membantu menjadikan Malaysia negara maju dalam sektor perindustrian. Pelbagai perubahan pendidikan telah diadakan seperti melaksanakan pendidikan perniagaan dan keusahawanan di sekolah-sekolah akademik dan juga sekolah-sekolah vokasional.

Sehubungan itu, satu mata pelajaran baru telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Teknik mulai tahun 2002 iaitu Pengajian Keusahawanan. Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif di bawah aliran pendidikan teknikal bertujuan melahirkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang perdagangan untuk menampung permintaan yang tinggi akibat dari perkembangan pesat sektor perniagaan dan industri, seterusnya menghakis budaya makan gaji di kalangan masyarakat khususnya masyarakat bumiputera (Nawawi Mohd Jan et.al, 2002).

Tanggungjawab guru atau pendidik bidang perniagaan adalah penting untuk menyampaikan ilmu perniagaan ini kepada para pelajar. Apa yang diharapkan ialah kebolehan guru bidang perniagaan untuk menyampaikan ilmu ini dengan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dewasa ini sudah tidak terhad kepada buku dan papan tulis sahaja sebaliknya pengajaran yang menggunakan modul melalui pelbagai teknologi media diperlukan agar dapat memberikan rangsangan kepada pelajar. Konsep teknologi pendidikan yang baru ini jelas tidak terbatas kepada penggunaan mesin dan alat sahaja tetapi lebih merupakan satu cara pemikiran dan penyelesaian masalah pembelajaran yang mungkin melibatkan penggunaan alat-alat dan bahan-bahan tertentu untuk meningkatkan keberkesanan.

Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi memang memainkan peranan yang penting dan mempunyai potensi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran terutamanya dalam penyampaian isi kandungan dan bagaimana hendak mengemukakan idea kepada kumpulan pelajar tertentu. Menurut Sim Ah Tock (1996), teknologi dapat mewujudkan keadaan pembelajaran yang sesuai dan relevan dengan jenis dan struktur mesej yang hendak disampaikan dan diterima oleh pelajar serta dapat memberi maklum balas.

Giam Kah How (2000) menyatakan bahawa melalui penggunaan multimedia juga, seseorang pelajar mempunyai kebebasan mengawal pembelajaran sendiri tanpa dipengaruhi oleh pihak-pihak lain. Pelajar boleh memilih bahan pembelajaran sendiri dan belajar pada kadar yang sesuai mengikut minat dan kehendak sendiri.

Pembelajaran menggunakan modul mempunyai beberapa kebaikan tertentu dan lebih mudah disediakan daripada pengajaran terancang. Modul mempunyai banyak potensi untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi menggunakannya para pelajar sekurang-kurangnya boleh mengikuti arahan dan khususnya pelajar mestilah tahu membaca dan boleh memahami isi pelajaran. Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1984), modul boleh digunakan untuk pengajaran biasa, memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran, pengajaran pemulihan, menetapkan kebolehan yang sama di peringkat permulaan sebelum memulakan satu pembelajaran baru, mengajar pelajar yang ketinggalan di dalam pelajaran dan merancang kursus melalui pos atau pengajaran jarak jauh.

Ee Ah Meng (1998) turut mengutarakan bahawa, modul yang disediakan membenarkan pelajar-pelajar maju dari yang senang kepada yang susah. Dengan erti kata lain, pelajar-pelajar yang baik pencapaiannya akan bergerak dengan cepat melalui penggunaan modul manakala pelajar-pelajar lambat juga boleh mendapat manfaat melalui penggunaan modul.

Kaedah pengajaran yang diamalkan oleh para guru mempunyai kesan yang besar dari segi tahap kefahaman dan penguasaan para pelajar terhadap ilmu pengetahuan yang disampaikan. Dengan perkembangan teknologi maklumat yang cepat, kepentingan pengajaran bermodul sebaiknya dimanfaatkan sepenuhnya agar proses pembelajaran lebih efektif.

1.2 Latar belakang Masalah

Pengajian Keusahawanan merupakan salah satu mata pelajaran yang menjuruskan pelajar ke arah industri keusahawanan dan perniagaan. Menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000), pendidikan keusahawanan telah mengalami reformasi dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kejayaan perubahan dalam pendidikan keusahawanan ini bergantung kepada sokongan, kesediaan dan motivasi para guru yang terlibat. Peranan guru-guru perdagangan dan keusahawanan sekarang ini lebih mencabar untuk menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Mata pelajaran keusahawanan ini diajar kepada pelajar bagi memberikan pendedahan awal berkaitan dengan bidang keusahawanan dan perniagaan. Pendedahan mata pelajaran ini kepada para pelajar sekolah teknik adalah diharapkan dapat menarik minat mereka untuk menceburi bidang perniagaan pada masa hadapan.

Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran bagi mata pelajaran keusahawanan dan perdagangan ialah keperluan kepada kefahaman asas yang kukuh tentang konsep-konsep penting. Mata pelajaran keusahawanan ini memerlukan kefahaman asas yang kukuh pada peringkat awal agar para pelajar dapat meneruskan proses pembelajaran dengan baik (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2000). Oleh itu, para guru hendaklah melibatkan diri secara aktif untuk menyediakan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran, menentukan alat-alat bantuan mengajar dibekalkan dengan cukup dan menjadi lebih inovatif serta bermotivasi.

Dunia pendidikan kini memerlukan guru memahami masalah pembelajaran pelajar. Lee Teik Leong dan Ooi Poh Lim (1998) menyatakan, gaya atau cara belajar

adalah berbeza antara seorang pelajar dengan pelajar-pelajar yang lain. Sesetengah pelajar memerlukan motivasi manakala yang lain lebih suka meneliti contoh-contoh atau ilustrasi dan memahami konsep. Dalam bilik darjah biasa, strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang guru adalah sukar untuk memahami kesemua keperluan pelajar yang pelbagai.

Selain itu, masalah yang sering timbul dalam kaedah pengajaran tradisi ialah apabila para pelajar perlu menerima apa juga kaedah atau cara yang digunakan oleh guru walaupun mereka mungkin tidak menyukainya. Para pelajar tidak berpeluang untuk belajar mengikut kehendak mereka sendiri dan ini menyebabkan timbulnya perasaan malas untuk meneruskan pembelajaran. Ee Ah Meng (1997) turut menyatakan bahawa kadar pembelajaran pelajar yang berbeza, aras dorongan, minat dan sikap terhadap sesuatu mata pelajaran menyebabkan para pelajar tidak dapat memperkembangkan ilmu yang dipelajari dengan mendalam.

Namun begitu, di Sekolah Menengah Teknik 1 Kuantan, masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar ialah tiada modul pembelajaran sendiri (MPK) yang dihasilkan terutamanya bagi mata pelajaran Pengajian Keusahawanan. Berdasarkan pengalaman dan pemerhatian pengkaji, pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran ini mengalami masalah kekurangan buku teks dan rujukan yang bersesuaian bagi membantu proses pembelajaran mereka. Para pelajar kini hanya bergantung kepada bahan sumber pembelajaran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oleh hal yang demikian, menerusi penghasilan MPK Pengajian Keusahawanan ini diharapkan dapat membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar. Usaha penghasilan modul ini juga adalah diharapkan dapat memberikan sumbangan secara langsung kepada pihak sekolah dan para pelajar di samping memberikan dorongan yang

positif kepada para guru teknik dan vokasional untuk menghasilkan bahan-bahan teknologi yang lebih efektif.

1.3 Penyataan Masalah

Isu mengenai sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan telah mendapat perhatian di kalangan pendidik dan pihak kerajaan. Dalam hal ini, masyarakat telah memberikan harapan yang tinggi kepada pihak sekolah dan institusi pendidikan lain untuk mengembangkan sifat dan minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Dalam bidang pendidikan keusahawanan kini, satu penggunaan yang menjadi semakin mencabar dan penting ialah berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di mana seorang pendidik dapat mereka cipta program atau panduan belajar untuk menampung keperluan pembelajaran murid atau pelajarnya (Shaffe Mohd Daud, 1994).

Pembelajaran menggunakan modul merupakan salah satu kaedah pengajaran untuk menyenangkan pembelajaran pelajar agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan. Menurut Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991), keadaan semasa menunjukkan bahawa pengajaran bermodul dapat memenuhi keperluan para pelajar hari ini dengan lebih baik dari pengajaran tradisional sama ada dari segi mata pelajaran dan juga isi kandungan.

Memandangkan penekanannya terhadap pembelajaran individu, kebolehannya untuk disesuaikan kepada kelompok pelajar yang besar, pengajaran bermodul merupakan pilihan yang baik dalam usaha mengindividukan pengajaran. Perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar merupakan suatu masalah yang harus diberi perhatian sewajarnya. Perbezaan individu dari segi gaya pembelajaran dan motivasi telah memberi implikasi terhadap keberkesanan proses pembelajaran para pelajar di dalam kelas.

Walaupun begitu, kekurangan sumber rujukan di Sekolah Teknik 1 Kuantan juga menjadi kekangan kepada pelajar dalam proses pembelajaran dalam usaha untuk memberi pendedahan awal dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Pihak sekolah masih belum mempunyai modul yang bersesuaian bagi mata pelajaran pengajian keusahawanan samada untuk kegunaan guru mahupun pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan temubual pengkaji semasa latihan mengajar, ketiadaan modul ini menyebabkan para pelajar mengalami kesukaran untuk membuat rujukan tambahan dan ulangkaji memandangkan sumber bahan pembelajaran yang terhad. Di samping itu, keputusan peperiksaan akhir tahun Tingkatan Empat 2002 di Sekolah Menengah Teknik 1 Kuantan telah menunjukkan peratus penurunan sebanyak 35 peratus.

Memandangkan kewujudan MPK untuk kegunaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran amat berkurangan, adalah wajar sekiranya semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan mengambil daya usaha yang serius dan berterusan untuk mengatasi kekurangan yang wujud (Shaharom Noordin, 1994). Usaha ini boleh meningkatkan lagi kecekapan pengajaran para guru dalam konteks kaedah pengajaran yang diamalkan. Oleh kerana wujudnya perbezaan individu di

kalangan para pelajar, maka kepelbagaian kaedah dan strategi pengajaran yang diamalkan oleh para guru merupakan suatu langkah yang bijak.

Justeru itu, kajian ini akan menumpukan kepada adakah penghasilan MPK bagi mata pelajaran Pengajian Keusahawanan dapat membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam konteks pendidikan, amalan pengajaran yang berkesan merupakan satu proses yang melibatkan pengetahuan isi kandungan dan kepakaran pedagogi. Sungguhpun begitu terdapat bidang ilmu yang luas untuk membantu kita menjayakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan berkesan serta amalan-amalan yang terbukti (Edmons, 1982).

Dalam kajian ini satu modul pembelajaran sendiri (MPK) dihasilkan bertujuan untuk membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Pengajian Keusahawanan. Untuk mencapai tujuan ini, kajian akan menumpukan kepada aspek pedagogi. Aspek pedagogi ini juga berkait rapat dengan aspek teknologi di mana bahan-bahan pembelajaran yang berbentuk perisian komputer digunakan di dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Esa (2001). "Etika Profesional Dalam Pengurusan Usahawan: Satu Analisis Lapangan Kertas Kerja". Dlm Seminar Kebangsaan Sosioekonomi dan IT.
- Asmee Hj. Tajuddin (1996). "Ke Arah Pendidikan Yang Berkesan." *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim* . Jld 4. 1-8.
- Baharuddin Aris, Manimegalai Subraniam dan Rio Sumarni Sharifuddin (2001). "Rekabentuk Perisian Multimedia". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia . 83-84.
- Borich, G.D. & Tombari, M.L. (1995). "Educational Psychology: A Contemporary Approach." New York : Harper Collins College Publisher. 23-28.
- Burns, R. (1971). "Methods for Individualising Instruction." *Educational Technology*, June. 55-56.
- Che Mat Husain bin Che Mat (1994). "Pengajaran Berkesan." *Jurnal Institut Perguruan Darul Aman (IPDA)*. Bil 2. 25-29.
- Dick, W. & Carey, L. (1990). "The Systematic Design Of Instruction."Third Edition. Illinois: Scott, Foresman and Company. 12-24.
- Edmons, R. (1982). "Programmes Of School Improvement: An Overview Educational Leadership".
- Percival, F dan Ellington, H. (1994). "Buku Panduan Teknologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 159-160.

- Giam Kah How (2000). "Gaya Pembelajaran Dan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran." *Jurnal Pendidikan TIGAENF*. **Jld 2**. Bil 3 . 59.
- Heinich R, Molenda M, Russel J.D. and Smaldino S.E (1996). "Instructional Media and The New Technologies for Learning. Englewood Cliffs, New York: Prentice Hall. 40-47.
- Joseph Gomez (2000). "Gaya Pembelajaran: Satu Tinjauan Literatur". *Jurnal Pendidikan TIGAENF*. **Jld 2**. Bil 3. 41-51.
- Kamaruddin Hj. Husin (1997). "Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 88-108.
- Kamdi Kamil (1990). "Keberkesanan Program Pengayaan Alam dan Manusia Secara Bermodul Untuk Murid-Murid Pencapaian Tinggi Tahun Lima." Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana. (Tidak Diterbitkan).
- Keller, J.M. (1983). "Motivational Design Of Instruction." Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates. 386-429.
- Klingstedt, J.D (1972). "Learning Modules for Competency-Based Education." *Educational Technology*. **Jld 12**. Bil 11 . 13-20.
- Lee Teik Leong dan Ooi Poh Lim (1998). "Pembelajaran Berpandukan Komputer: Satu Tinjauan." *Jurnal JIP*. **Jld 2**. Bil 1. 19-22.
- Liaw Shu Hui dan Goh Kim Leng (2002). "Statistik Asas Konsep & Amalan." Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 5.

Mohamad Nor bin Mohamad Taib (2002). "Proses Pembinaan Soal Selidik Kajian Dan Pentadbirannya." *Siri Kolokium Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*, 18 Julai.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 186-210.

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. 38-46.

Mok Soon Sang (2000). "Pedagogi 2 Pelaksanaan Pengajaran." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 158-160.

Mok Soon Sang (2001). "Psikologi Pendidikan." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd. 43-54.

Naganather, N. (1987). "Modul 9: Matematik Untuk Kanak-Kanak Pemulihan." Kuala Lumpur: Projek NTR Innotech Malaysia, Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Naina Mohd. Bin Mohd Nor (2000). "Stail Pengajaran Guru Dan Gaya Pembelajaran Murid." *Jurnal Pendidikan TIGAENF*. **Jld 2**. Bil 3. 52-55.

Nawawi Mohd. Jan, Jamaluddin Che Sab dan Kamaruddin Mohd. Akil (2002). "Pengajian Keusahawanan Tingkatan 4." Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Omardin Ashaari (1999). "Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 177-180.

- Purwanto (2002), "Self-Learning Materials (Module): The Concept and Format." *Kertas Kerja Seminar SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan School of Distance Education Universiti Sains Malaysia .1-13 July 2002.*
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002). "Psikologi Pendidikan Pendekatan Kontemporari." Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd. 59-71.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1996). "Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah dan Strategi." Cheras: Masa Enterprise. 51-58.
- Rosini Abu dan Ramlah Hamzah (1998). "Pedagogi 1: Kurikulum & Pengurusan Bilik Darjah." Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd. 59-60.
- Russell, J.D. (1974). "Modular Instruction." Minneapolis, Minnesota: Burgess Publishing Company. 61-72.
- Shaffe bin Hj. Mohd Daud (1994). "Media Tayang dan Bukan Tayang." *Jurnal Institut Perguruan Darul Aman (IPDA)*. Bil 2. 3.
- Shaharom bin Noordin dan Dr. Yap Kueh Chin (1991). "Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." *Jurnal Pendidikan Guru*. **Jld 2**. Bil 7. 89-104.
- Shaharom bin Noordin dan Yap Kueh Chin (1992). "Merekabentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK)." *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8. 16-40.
- Shaharom Noordin (1993). "Modul Pengajaran Kendiri (MPK): Satu Inovasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran." *Jurnal Akademik, Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka*. **Jld 3**. Bil 3. 1-6.

- Shaharom bin Noordin (1994). "Modul Pengajaran Kendiri (MPK): Satu Inovasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran." *Jurnal Akademik*. 1-7.
- Shaharom bin Noordin (1996). "Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri Di Sekolah Menengah." *Jurnal Akademik*. **Jld 6**. 1-12.
- Shaharom Noordin (1996), "Pengajaran Bermodul: Merekabentuk Modul Pengajaran Kendiri." *Kertas Kerja Seminar Modul Pengajaran Kendiri Mata Pelajaran Fizik Bagi Guru-Guru Kanan Sains Sekolah-Sekolah Daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan, Pusat Kegiatan Guru (PKG) Gemencheh*. 2-3 Februari.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). "Isu Pendidikan di Malaysia Sorotan dan Cabaran." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. 105-116.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). "Teknologi Pengajaran." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 87-100.
- Sim Ah Hock (1996). "Perkembangan Teknologi Pendidikan". *Jurnal Akademik MPSAH*. **Jld 5**. Bil 4. 53-63.
- Sinaga, H. (1980). "U.S.M.'s Project InSPIRE: A Study into the Problems of Teaching and Learning in Selected Rural Primary Schools." *Pendidikan dan Pendidikan*. **Jld 2**. Bil 1. 82-90.
- Tengku Mohd Azman Shariffadeen (1991). "Information Technology And Education The Emerging Malaysia Scenario." *Simposium Kebangsaan Komputer Dalam Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia*, 19-21 November.
- Uma Sekaran (2000). "Research Methods for Business: A Skill-Building Approach." New York: John Wiley & Sons Inc. 57-60.

Yusup Hashim (1999). "Are Instructional Design Elements Being Used In Module Writing." *British Journal of Educational Technology*. **Jld 30**. 1-21.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1999). "Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan Vokasional: Satu Jaminan Kerjaya". *Jurnal Keusahawanan*. 58-61.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). "Pengajaran-Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas." Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. 1-13.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH